

**Dr. M lancar buku Cuit: Dilema Melayu Moden
Utusan Online
07 Mac, 2013**

KUALA LUMPUR 6 Mac - Buku *Cuit: Dilema Melayu Moden* nukilan Penolong Ketua Pengarang 1 Kumpulan Utusan, Datuk Zaini Hassan dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Majlis pelancaran buku setebal 676 muka surat itu disempurnakan selepas Program Bicara Tun Dr. Mahathir Mohamad: Perkongsian Pengalaman Membina Negara di Auditorium Muzium Kesenian Islam di sini.

Buku terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., itu menghimpunkan tulisan Zaini menerusi kolom mingguan **Cuit** dalam *Utusan Malaysia* yang disiarkan setiap Rabu sejak 2008 sehingga Disember tahun lalu.

Kolum Cuit yang mula diterbitkan sebaik sahaja tsunami politik melanda negara ini pada Pilihan Raya Umum Ke-12 mengemukakan pelbagai pandangan, analisis, pemerhatian tajam, pedas dan panas yang ditulis tanpa rasa takut dan gentar.

Dalam prakata buku tersebut, Dr. Mahathir berkata, koleksi penulisan Zaini itu perlu diberi perhatian dalam usaha menangani dilema yang dihadapi orang Melayu dewasa ini.

Menurut beliau, tanggungjawab yang dipikul oleh penulis seperti Zaini bertambah berat kerana keadaan dan cara pemikiran bangsa pada masa kini sudah berubah.

"Dilema Melayu pada masa lampau ditangani ketika orang Melayu sedar bahawa kedudukan mereka terancam dan mereka perlu bersatu untuk mengatasinya.

"Dilema Melayu masa kini adalah ramai yang tidak sedar kedudukan mereka terancam dan kerana itu tidak perlu kepada perpaduan malah ada yang menyokong perpecahan," ujarnya.

Sementara itu, dalam mukadimah buku berkenaan, Zaini memberitahu, beliau ingin membuka ruang minda pembaca kolom **Cuit** supaya mereka memahami terhadap sosio politik baharu negara di atas semangat perpaduan 1Malaysia.

"Walaupun ada antara ingatan atau cuitan saya itu cukup pahit untuk ditelan oleh orang Melayu, Cina dan India, ia patut dibaca secara rasional dan matang," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130307/dn_23/Dr-M-lancar-buku-Cuit-Dilema-Melayu-Moden